

# STPM Kertas 1 2019:

## Soalan 2

- (a) Perihalkan tiga perbezaan antara nota belum bayar dengan akaun belum bayar. (3)
- (b) Perniagaan Amar adalah sebuah rangkaian kedai barangan elektrik. Maklumat yang dikumpulkan untuk Perniagaan Amar pada 31 Disember 2017 adalah seperti yang berikut:

Akaun	RM
Premis	450,000
Sekuriti boleh pasar	100,000
Kenderaan	95,000
Bekalan alatan ganti	20,000
Tunai	30,000
Akaun belum terima	12,000
Akaun belum bayar	22,000
Nota belum bayar (10%)	57,000
Peruntukan liabiliti waranti	15,000
Pinjaman	120,000
Untung bersih	115,000
Modal pada 1 Jan 2017	378,000

Maklumat yang belum diambil kira adalah seperti yang berikut:

- (1) Kerja pembaikan melalui tuntutan waranti yang melibatkan alat ganti sebanyak RM4,800.
- (2) Nota belum bayar dikeluarkan pada 1 Julai 2017 dan akan matang pada 30 Jun 2018.
- (3) Satu kes mahkamah yang dibawa oleh pelanggan pada bulan April telah diputuskan oleh mahkamah pada 30 Disember 2017. Perniagaan Amar didapati bersalah dalam kes ini oleh mahkamah dan dikehendaki membayar ganti rugi sebanyak RM12,500.
- (4) Pinjaman jangka panjang adalah untuk tempoh 10 tahun. Faedah atas pinjaman tersebut ialah 8% setahun yang dibayar pada setiap 1 Januari. Setiap bulan, 1/10 daripada baki pinjaman perlu dilangsaikan.
- (5) Pada 31 Disember 2017, pemilik Perniagaan Amar telah membuat pelaburan tambahan dalam bentuk tunai sebanyak RM25,000.

**Dikehendaki:**

- (i) Hitung untung bersih terlaras. (4)
- (ii) Sediakan penyata perubahan modal Perniagaan Amar bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. (2)
- (iii) Sediakan penyata kedudukan kewangan Perniagaan Amar pada 31 Disember 2017. (11)